

**Peniaga Roti Canai Teruja Hidang Makanan Untuk Najib  
Bernama  
30 April, 2013**

ALOR SETAR, 30 April (Bernama) -- Kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor di gerainya tidak pernah diimpikan peniaga roti canai, Madar Shah Kassim, 62, apatah lagi menghidangkan sendiri makanan untuk pemimpin negara itu.

Gerai beliau di Medan Selera Kepala Batas dekat ini, terpilih sebagai lokasi Perdana Menteri bersarapan bersama lebih 2,000 penduduk sekitar daerah Kubang Pasu hari ini.

"Untuk majlis hari ini saya telah sediakan hampir 200 keping roti canai. Saya tidak merasa letih walaupun terpaksa bangun awal kerana perasaan saya begitu teruja untuk berjumpa dengan Perdana Menteri," katanya ketika ditemui pemberita di gerainya.

Madar yang menyediakan makanan seawal pukul 5.30 pagi tadi, berasa sungguh gembira apabila dapat menghidangkan sendiri masakannya kepada pemimpin negara itu.

Seorang lagi peniaga, Maimur Baba, 48, pula berasa sangat bangga apabila mendapat tahu masakan yang disediakan dijamah oleh Najib.

Maimur yang sudah hampir lima tahun berniaga di medan selera itu berkata beliau tidak menyangka bahawa masakannya turut menjadi pilihan Perdana Menteri.

"Ada orang bagitau (beritahu), Datuk Seri Najib makan ubi kayu bersama sambal sardin dan minum susu yang telah saya sediakan. Saya gembira sangat kerana dalam banyak-banyak makanan yang dihidangkan, beliau turut rasa masakan saya," katanya.

Maimur turut menyatakan bahawa tidak sabar untuk turun mengundi pada Ahad ini kerana telah lama menyokong Najib dan Barisan Nasional (BN).

Sementara itu, bagi Zainal Abidin Abu Othman, 58, beliau tetap berpuas hati walaupun dapat bertemu dengan Perdana Menteri hanya dalam tempoh yang singkat.

"Saya tahu Datuk Seri Najib nak datang hari ini, tapi disebabkan perasaan teruja saya kalau boleh semalam lagi saya nak datang ke sini. Hari ini pukul 8 pagi saya datang ke sini dengan rakan-rakan yang lain semata-mata untuk berjumpa dengan beliau.

"Bukan senang kita nak jumpa beliau jadi mestilah kita datang bagi sokongan kat dia. Bila dapat jumpa dia hari ini, perasaan untuk mengundi semakin membuak dan tidak sabar. Insya-Allah, BN memang boleh menang di kawasan ni," kata Zainal.

Zainal juga sangat berharap BN menawan semula Kedah kerana tidak mahu menderita lagi di bawah pimpinan pembangkang yang mentadbir sejak lima tahun lalu.

Golongan muda juga tidak melepaskan peluang untuk hadir dan melihat secara pemimpin negara itu dan keluarganya.

Bagi Diana Shaimi, 23, yang pertama kali bersua muka dengan Perdana Menteri, beliau tetap berasa seronok walaupun tidak dapat bersalam dengan Najib.

"...saya tetap menyokong beliau," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946290>